



# SEMINAR ON SMART MONEY

Persatuan Mahasiswa Perniagaan Ekonomi (PMPE) dan Koperasi UMS telah berjaya menganjurkan satu mini seminar SMART MONEY baru-baru ini bertempat di Bilik Seminar MBA pada 14 Februari 2008. Dua orang penceramah telah berkongsi pengalaman dengan peserta berkaitan dengan pengurusan kewangan dan pelbagai potensi bagi menjana pendapatan. Ceramah telah disampaikan oleh Penceramah jemputan yang di undang khas. Turut hadir dalam seminar tersebut ialah Pemangku Pengurus Koperasi UMS, Pn Norezuan, Ketua Unit Dana Luar, Dr. Arsiah Bahron serta beberapa orang pensyarah serta pelajar-pelajar yang berminat mendengar ceramah yang diberikan oleh pakar berpengalaman. Objektif utama bagi ceramah tersebut adalah bagi mendedahkan pelajar dan peserta peri pentingnya menyediakan pengurusan kewangan.